

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI\_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL\_PELAJAR-10)  
 PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR\_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)  
 PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian.

BM



Selamat Datang Ke Laman Portal

**Universiti Putra Malaysia**



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)  
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18)

[Home \(/\)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » Selamat Tahun Baharu 2018!

[Senarai Berita \(/berita\)](#)

## Selamat Tahun Baharu 2018!



Alhamdulillah atas segala kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai pada tahun 2017, yang menambah kepada legasi Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang utama di Malaysia.

UPM telah berjaya menempatkan kedudukan dalam kelompok 1% universiti terbaik dunia, dan kelompok lima universiti terbaik ASEAN. Setiap warga Universiti baik dalam kalangan staf, pelajar dan alumni yang sedia ada, atau pernah hadir di universiti ini telah memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan ini.

Saya bagi pihak Pengurusan Universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas kerjasama, sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh semua pihak kepada UPM. Tidak lupa juga saya menjunjung kasih atas perkenan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj atas nasihat dan pedoman yang dititahkan untuk bersama-sama melonjakkan kecemerlangan universiti tercinta ini di persada antarabangsa. Setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, khususnya YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah memberikan sokongan padu kepada UPM sehingga ke hari ini.

Kedudukan UPM dalam QS World University Ranking pada tangga 229, dan dalam QS Asia University Ranking pada tangga 36 merupakan pencapaian terbaik UPM. Pencapaian ini sekaligus menempatkan UPM pada kedudukan universiti terbaik di Malaysia dengan mengambil kira sejarah penubuhannya. Kita turut mengungguli Anugerah Pengurusan Harta Intelek Universiti

### LIHAT JUGA



Mahasiswa patut jadi penentu perubahan  
 (/berita/mahasiswa\_patut\_jadi\_penentu\_perubahan-37403)



Pelajar Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan  
 graduat di London  
 (/berita/pelajar\_diploma\_belia\_dalam\_kerja\_pembangunan\_graduat\_di\_london-37365)



ICF2017 perkenal budaya antarabangsa  
 (/berita/icf2017\_perkenal\_budaya\_antarabangsa-37351)

Entiti Kami

Dokumen

Perubahan-Newsletter

Keputusan



Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Awam, Universiti Awam Paling Berkeusahawanan, memperoleh taraf 6 bintang dalam SETARA, dan pelbagai kecemerlangan lain yang panjang senarainya untuk saya sebutkan di sini, di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Universiti turut melahirkan juara dunia melalui atlet Olimpian UPM, Cheong Jun Hoong, dengan menjadi atlet Malaysia pertama memenangi emas dalam acara 10m platform terjun pada Kejohanan Dunia Akuatik 2017 di Budapest. Begitu juga dengan atlet sukan pelajar UPM yang telah menyumbangkan sebanyak tiga puluh tujuh (37) pingat iaitu lima belas (15) emas, sebelas (11) perak dan sebelas (11) pingat gangsa dalam sukan SEA 2017. Pelbagai kemenangan turut dicapai oleh pelajar dalam pertandingan debat dan pidato, yang bukan sahaja menjadi kebanggaan universiti, tetapi secara tidak langsung menyumbang kepada aktiviti pembangunan pelajar secara holistik dan relevan dengan kemajuan negara.

Di samping itu, UPM turut memperkasa kerjasama universiti-industri bagi menambah nilai dan meningkatkan keterlihatan rakan industri dalam agenda pendidikan tinggi negara. Banyak impak diperolehi daripada program CEO@Faculty melalui CEO yang dilantik, dan antaranya kejayaan UPM menghasilkan UPM-AirAsia Livery melalui Tan Sri Anthony Francis Fernandes. Tidak lupa juga kepada rakan industri yang berkejasama erat dalam inovasi pendidikan tinggi, seperti Holstein Milk Company, Sime Darby, Malayan Flour Mills Bhd, Open Learning Sdn. Bhd dan banyak lagi.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kejayaan ini akan terus memperoleh keberkatan dan limpah rahmat yang berkekalan dari Yang Maha Esa. Tidak lupa juga kita hadiahkan al-fatihah buat rakan seperjuangan, sahabat handai dan keluarga UPM yang telah meninggalkan kita, dan mendoakan semoga segala khidmat bakti mereka diterima sebagai amal jariah yang berkekalan, InsyaAllah.

Semoga tahun baru 2018 memberikan semangat dan motivasi untuk sama-sama kita seiring meningkatkan kecemerlangan, mencipta kejayaan demi kejayaan, buat universiti yang tercinta ini.

Pergi ke pekan mencari serai,  
Serai dibeli dari tanjung;  
2017 kini melabuh tirai,  
Komitmen semua amat disanjung.

Selamat Tahun Baharu 2018.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS, FASc.

DSIS, DPMK, PSK, KMN

Kemaskini:: 03/01/2018 [syifarida]

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fselamat\\_tahun\\_baharu\\_2018-37305&title=Selamat%20Tahun%20Baharu%202018!%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fselamat_tahun_baharu_2018-37305&title=Selamat%20Tahun%20Baharu%202018!%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))  
(/#facebook) (/#twitter) (/#google\_plus)  
(/#linkedin) (/#email) (/#copy\_link)  
(/#wordpress) (/#print)

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra  
Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

✉ [marketing@upm.edu.my](mailto:marketing@upm.edu.my)

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)  
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)  
Multimedia Super Corridor (<http://www.mscomalaysia.com>)  
Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.etender.upm.edu.r>)  
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.r>)  
Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenai\\_kami/n8202](http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202))  
Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)  
Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)  
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu>)  
Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)

BM ▾

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Sistem Pengurusan Perubatan  
[\(http://regmedic.upm.edu.my/\)](http://regmedic.upm.edu.my/)  
 Sistem E-Claim [\(http://eclaims.upm.edu.my/login/\)](http://eclaims.upm.edu.my/login/)  
 i-GIMS (staf)  
<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>  
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah)  
<http://sgsportal.upm.edu.my/2ee/portal/login.jsp>  
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)  
<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>

Agensi Kelayakan Malaysia  
[\(http://www.mqa.gov.my/\)](http://www.mqa.gov.my/)

Poliklinik Putra Medik  
<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>

BM 

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar\\_privasi-29949\)](#)  
[Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#) | [RSS \(/rss\)](#)  
[Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#) | [Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)  
[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar\\_keselamatan-29939\)](#)

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  **HANTAR**

-   
Entiti Kami
-   
Dokumen
-   
Newsletter
-   
Tetapan